

08 JUL 2002

Mahathir-Hasil/I

WANG BUKAN SEGALA-GALANYA BAGI SAYA, KATA DR MAHATHIR

KUCHING, 8 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata wang bukanlah segala-galanya bagi beliau sebaliknya melihat negara makmur di bawah kerajaan yang stabil adalah yang paling memuaskan hatinya.

"Saya komited untuk melihat negara membangun dan makmur di bawah kerajaan Barisan Nasional (BN)," katanya semasa merasmikan perhimpunan agung ke-10 Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) di Santubong, di sini.

"Gaji saya cuma RM16,000 sahaja, kita minta lebih pun tak dibagi, sedangkan orang yang bekerja di bawah saya memperolehi RM50,000 hingga RM60,000 tetapi mereka masih bekerja di bawah saya.

"Apa yang paling memuaskan hati saya ialah saya dapat melihat hasilnya... jika anda menjadi Perdana Menteri dan negara menjadi semakin miskin dan miskin, anda tidak mungkin gembira," kata beliau.

Mengenai pembangunan di Sarawak, Dr Mahathir berkata beliau gembira melihat perubahan negeri ini pada setiap lawatannya dan ini menunjukkan pembangunan pesat yang dibawa oleh kerajaan negeri.

"Dengan ini, saya rasa Sarawak boleh menjadi negara maju 10 tahun lebih awal daripada Wawasan 2020," kata beliau.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, berkata rakyat majmuk di Sarawak harus meneruskan sokongan mereka kepada PBB dan BN.

"Jika kerajaan sekarang, yang diketuai PBB sebagai parti teras, dapat membangunkan negeri ini menjadi seperti sekarang, rakyat tidak harus mudah terpengaruh untuk melakukan perubahan," katanya.

Beliau berharap Sarawak akan kekal diterajui BN dan PBB selain terus menikmati kestabilan dan pembangunan.

-- BERNAMA

FLL MT NAK